



Tajuk : 1. Capaian internet di Bario lemah



TIGA orang remaja yang sabar menunggu akses Internet yang lambat di capai di Pusat Telekomunikasi Bario, Sarawak. - UTUSAN/ASHLEY ANGGAT

RUANG utama Pusat Telekomunikasi Bario yang selesa namun jarang dikunjungi.

Usaha hubungkan penduduk dengan dunia luar terbantut

Capaian internet di Bario lemah

Oleh **ASHLEY ANGGAT**
utusansarawak@utusan.com.my

BARIO 22 Feb. - Bario atau dikenali sebagai Tanah Tinggi Kelabit sememangnya tidak perlu diperkenalkan kepada masyarakat umum kerana setiap hari ia menerima kunjungan pelawat tempatan dan pelancong asing.

Terletak di utara Bumi Kenyalang dan hanya beberapa kilometer dari sempadan Kalimantan, Indonesia, nama Bario yang begitu sinonim dengan beras Bario mempunyai daya tarikan dan keunikan tersendiri.

Keunikan perkampungan dengan lebih 1,500 penduduk itu yang bagaikan terletak dalam lembah berkawah menyebabkan kerajaan merancang dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi menjadikannya antara lokasi tarikan utama pelancongan.

Setelah begitu banyak usaha untuk membangunkan Bario dilakukan, kerajaan juga tidak lupa kepada usaha membangunkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di pekan tersebut agar penduduknya tidak terasing dari dunia luar

Kemudahan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih dan elektrik telah diperoleh penduduk di lembah terbabit termasuk sebahagian daripada 12 perkampungan sekitarnya.

Kini, Bario sudah boleh dihubungkan menggunakan jalan darat atau jalan balak dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda selama 16 jam dari Miri.

Tetapi kebiasaannya, para pengunjung akan memilih pengang-

kutan udara menggunakan pesawat 16 tempat duduk dengan tempoh perjalanan hanya sejam dari Lapangan Terbang Miri.

Setelah begitu banyak usaha untuk membangunkan Bario dilakukan, kerajaan juga tidak lupa kepada usaha membangunkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di pekan tersebut agar penduduknya tidak terasing dari dunia luar.

Dengan adanya kemudahan ICT, ia mampu menjadi platform untuk mempromosikan Bario di samping membantu pengunjungnya berhubung dengan dunia luar.

Atas kesedaran itu-

lah, kerajaan menerusi Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) melaksanakan projek e-Bario di kawasan tersebut untuk membantu penduduk tempatan berkomunikasi selain dapat memasarkan produk masing-masing melalui internet.

Sejak diperkenalkan pada 1999, projek yang mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menerima peruntukan sebanyak RM4.6 juta untuk penyelidikan dan pembangunan ICT di kawasan tanah tinggi itu.

Sejak mula menawarkan perkhidmatan pada September 2001, e-Bario telah memberi banyak manfaat kepada masyarakat setempat termasuk pelajar Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) Bario dan Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Bario selain 12 kampung berdekatan iaitu Bario Asal, Arur Layun, Arur Dalan, Pa' Ramapuh, Pa' Derong, Bued Main Beruh, Padang Pasir, Kampung Baru, Pa' Berang, Pa' Umur, Pa' Ukat dan Pa' Lungan.

Bagaimanapun, setelah beberapa tahun beroperasi ia mula berhadapan dengan banyak masalah termasuk kos penyelenggaraan yang

tinggi.

Ia belum mengambil kira kegagalan pelaksanaan projek Mini Hidro Elektrik di Bario yang diharapkan mampu membekalkan tenaga elektrik 24 jam kepada projek tersebut yang kini hanya bergantung kepada sumber tenaga solar dan penjana kuasa elektrik.

Walaupun pernah memenangi anugerah eAsia sempena Minggu eAsia di Taipei, Taiwan pada 2004, projek itu kini boleh dianggap masih bergelut dengan masalah antaranya akses internet yang amat lemah.

Ada kalanya, pelajar atau mereka yang menggunakan perkhidmatan berkenaan terpaksa menunggu lebih setengah jam sebelum dapat melayari internet atau kadangkala langsung tidak dapat disambungkan.

Tetapi, di sebalik semua itu, projek e-Bario pada hakikatnya secara tidak langsung memberi manfaat positif kepada penduduk yang tidak perlu lagi membelanjakan kira-kira RM150 untuk penerbangan ke Miri bagi membuat panggilan menggunakan telefon sekiranya ada kes-kes kecemasan atau perkara penting berlaku.



PRING satelit dan sistem tenaga solar kegunaan Pusat Telekomunikasi Bario, di Bario, Sarawak.